

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN OOI CHUAN AUN

RUJUKAN : 9749

SOALAN:

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan laporan penuh tentang aktiviti perdagangan dadah antara Laos dan Malaysia bersabit kenyataan ketua polis narkotik Thailand Pol Lt-General Sommai Kongwisaisuk yang telah memohon bantuan negara kita dalam kes penangkapan Xaysana Keopimpha di Bangkok dan Kamarudin bin Awang di Kelantan.

JAWAPAN:

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak berhasrat untuk mendedahkan butiran penuh kes ini memandangkan kes ini masih lagi dalam siasatan dan dikhuatiri boleh mengganggu proses siasatan dan risikan yang sedang dijalankan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

SOALAN : 269

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perincikan pelan pembesaran Swettenham Pier bernilai RM200 juta yang dinyatakan Pengerusi Pelabuhan Pulau Pinang (PPC) baru-baru ini. Adakah tender terbuka dijalankan dan bagaimanakah ia bakal melibatkan penggunaan tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang di lokasi tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) telah menerima cadangan pembesaran Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT) daripada Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) selaku pengendali pelabuhan Pulau Pinang. Cadangan pembangunan tersebut melibatkan kerjasama di antara PPSB bersama Royal Caribbean Cruises Ltd. (RCCL) yang mana merupakan operator kapal *cruise* kedua terbesar di dunia.

Komponen-komponen bagi cadangan pembesaran SPCT merangkumi:

- i. pembesaran dermaga sepanjang 688 meter;
- ii. penstrukturan semula ruang *pavillion*; dan
- iii. pembangunan *link-bridges* yang baru

SPCT dibina atas 2 lot tanah iaitu kawasan darat seluas 13,333.83 meter persegi (Lot 4) dan kawasan dasar laut seluas 12,310.54 meter persegi (Lot bersebelahan Lot 4). Tempoh hakmilik tanah Lot 4 berakhir pada 2013, sementara tanah bersempadan Lot 4 adalah tanah baru. Rancangan pembangunan dan pembesaran SPCT akan melibatkan isu pemberimilikan tanah oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang masih lagi tertangguh. Sehubungan itu, sebarang rancangan pembangunan tambahan di SPCT sukar untuk diteruskan selagi isu ini belum selesai dan pada masa yang sama pihak SPPP juga tidak dapat mengiklankan tender bagi maksud pembangunan tersebut.

Kementerian Pengangkutan bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menyelesaikan isu tanah berkenaan agar cadangan pembangunan SPCT tersebut dapat dilaksanakan dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi *cruise*.